

04/07/2002

Dr Mahathir janji terus khidmat kepada parti, negara

SUBANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berjanji untuk tidak menghampakan harapan rakyat, sebaliknya terus memberi khidmat kepada Umno dan negara walaupun tidak lagi memegang sebarang jawatan selepas Oktober 2003.

Perdana Menteri juga akan menemui semua lapisan masyarakat dan parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk menjelaskan dasar kerajaan serta kepentingan negara dalam meneruskan amalan baik yang sedia ada.

"Insya-Allah, walaupun selepas 16 bulan lagi saya tidak akan menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno, saya tidak akan hampakan harapan tuan-tuan dan puan-puan.

"Saya akan terus berkhidmat dengan parti kerana ini akan memberi masa yang lebih bagi saya untuk bertemu dengan penyokong parti dan kerajaan, serta orang ramai bagi menjelaskan mengenai dasar kerajaan.

"Saya harap dapat bertemu seramai mungkin untuk menjelaskan betapa pentingnya kita teruskan cara baik yang diamalkan sekarang," katanya berucap di hadapan kira-kira 10,000 orang yang menyambut kepulangannya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini pagi ini.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diiringi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama menteri-menteri Kabinet dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, ke pentas khas yang disediakan di kawasan letak kereta itu.

Beliau yang kelihatan terharu dengan sambutan rakyat, beberapa kali mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menunjukkan semangat untuk menyambut kepulangannya.

"Terima kasih kepada semua kerana sudi datang menyambut saya. Selama sepuluh hari saya berada di luar negeri, saya sempat untuk berfikir panjang.

"Saya berpendapat, bahawa keputusan yang saya buat ini adalah baik untuk kita semua. Baik untuk negara, rakyat dan bagi kemajuan bersama negara kita ini," katanya.

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya dalam sidang akhbar sebelum itu bahawa beliau menyokong penuh pelantikan Abdullah sebagai penggantinya di dalam kerajaan dan Umno.

Pada masa yang sama, beliau berkata, pemimpin lain dalam Umno juga sudah menyatakan persetujuan supaya tidak timbul sebarang perebutan kuasa termasuk jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno.

"Alhamdulillah kerana peralihan kuasa di Malaysia dapat dijalankan dengan cara yang begitu licin, tanpa masalah. Ini kerana tuan-tuan dan puan-puan menyokong kuat kepada parti-parti kerajaan.

"Sokongan tidak berbelah bahagi andalah yang membolehkan kita mentadbir negara ini semasa keadaan aman, tenang atau semasa krisis dan pertukaran pemimpin kerajaan," katanya.

Dr Mahathir turut meminta maaf kerana tidak dapat bertemu dengan semua pemimpin BN sebelum berlepas ke luar negara untuk bercuti. Bagaimanapun, katanya, Abdullah sudah menyampaikan hasratnya kepada semua pemimpin BN dan mereka bersetuju dengan program peralihan pemimpin.

"Saya yakin bahawa Abdullah akan diberi sokongan penuh oleh kepimpinan Umno dan BN. Kita masih banyak lagi yang kita usahakan bagi pembangunan negara. Saya percaya, negara kita mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai sebuah negara maju menjelang 2020," katanya.

Beliau juga mengingatkan rakyat supaya tidak menimbulkan sebarang

perbalahan sesama sendiri kerana hanya dengan sokongan teguh, mereka dapat menikmati segala kemudahan dan nikmat sebuah negara yang maju.